

ANTARA kemudahan di stesen MRT yang dirosakkan pihak gatal tangan.



Dr Khairunneezam Mohd Noor

Tidak dapat digambarkan kesulitan yang terpaksa ditanggung rakyat akibat perbuatan vandalisme di negara kita ini. Laporan kes vandalisme acap kita ketemukan dalam media seperti kebakaran besar-besaran rumah kediaman kerana perlakuan mencuri kabel elektrik, contengan grafiti di dinding bangunan atau pejabat, kerosakan harta awam di taman rekreasi atau pengangkutan awam dan lain-lain.

Terbaru dilaporkan media Transit Aliran Massa (MRT) aliran Sungai Buloh-Kajang yang baru dilancarkan beberapa hari lalu diancam perlakuan vandalisme oleh 'tangan nakal'. Dilaporkan sampah sarap dan puntung rokok dibuang merata-rata terutama di kawasan luar stesen MRT. Tidak kurang dengan itu, ada juga pihak yang tidak bertanggungjawab mencalarakan serta merosakkan tempat duduk di kawasan platform. Perbuatan ini membuktikan pelaku vandalisme ini begitu ghairah melakukan perbuatan tidak bertamadun dan membelakangkan kepentingan dan hak orang lain.

Sememangnya penguatkuasaan dan tindakan undang-undang antara kaedah terbaik untuk mengajar masyarakat tidak melakukan vandalisme. Namun, kaedah sebegini bukan jawapan yang bersifat total kepada pencegahan gejala buruk tersebut. Sebenarnya, kaedah psikologi dan pendidikan turut menyumbang ke arah pencegahan gejala vandalisme.

Dalam hal ini tidak berapa lama dulu, kerajaan melalui Majlis Sosial Negara membuat keputusan memulihkan kawasan tegar dengan gejala sosial termasuk vandalisme di sekitar Lembah Klang. Majlis itu bersetuju melalui perbincangan bersama ahli akademik dan pakar dalam pelbagai bidang pembangunan sosial bahawa pelbagai projek sosial dan fizikal bagi memulihkan kawasan tersebut berlandaskan 'Teori Tingkap Pecah' (Broken Window Theory) yang digagaskan dua pakar sosiologi dari barat


iaitu James Wilson dan George Kelling.

Teori Tingkap Pecah ini lahir hasil kajian mendalam terhadap kaedah yang paling signifikan dalam menangani keruntuhan nilai dan etika sosial dan menangani jenayah vandalisme dalam kalangan masyarakat di New York, Amerika Syarikat pada awal 1980-an hingga 1990-an. Teori ini mendasari pemahaman bahawa untuk menangani gejala sosial, vandalisme dan seterusnya jenayah serius, keadaan fizikal di sesuatu kawasan itu perlu dipulihkan segera bagi meminimumkan pengulangan gejala yang sama.

Misalnya, jika ada tingkap bangunan pecah, ia perlu diganti dengan tingkap yang baru pada kadar segera. Jika tidak, lebih banyak lagi tingkap akan dipecahkan kerana si pelaku vandalisme akan merasakan pengurusan bangunan tidak mengindahkan akan kerosakan bangunannya dan 'menghalalkan' perbuatan mereka. Begitu juga keadaannya dengan kaki lima atau lorong yang penuh dengan sampah, ia perlu dibersihkan dengan segera. Jika tidak orang ramai akan terus meletakkan longgokan sampah lebih banyak kerana mereka memikirkannya jalan berkenaan sebagai tempat yang sesuai dibuang sampah.

Berdasarkan teori ini juga, strategi terbaik mencegah kejahatan sosial dan vandalisme adalah dengan memperbetulkan sesuatu masalah sementara ia masih tidak serius. Padang permainan kanak-kanak, telefon awam, tandas awam dan taman rekreasi antara kawasan yang perlu sentiasa dipelihara dan dipulihara bagi mengelak vandalisme terus berleluasa.

Terdapat satu kajian longitudinal yang dibuat pengkaji bidang sosial di Australia yang cukup menarik dalam mendasari kesesuaian Teori Tingkap Pecah ini dalam menangani vandalisme. Hasil kajian itu mendapati, walaupun undang-undang Graffiti Prevention Bill diperkenalkan pada 2007 dan dikemaskini sehingga 2016, namun tembok dinding kedai di persisiran bandar raya Melbourne seperti di Northcote, Geelong, Fitzroy dan Camberwell, acap kali menjadi dinding pameran lukisan grafiti oleh pelaku vandalisme. Hukuman denda serta-merta Dolar Australia



Atasi vandalisme guna Teori Tingkap Pecah

\$1,000 dan penjara sehingga maksimum dua tahun di bawah undang-undang ini seakan-akan tidak mendatangkan rasa takut kepada mereka.

Berdasarkan Teori Tingkap Pecah, apabila pemilik kedai hanya membuat dan tidak berbuat apa-apa, didapati semakin banyak grafiti yang dicorakkan golongan yang tidak bertanggungjawab ini.

Berbeza dengan keadaan bagi pemilik kedai yang tidak jemu mengecat semula dinding kedainya selepas diconteng berkali-kali, kejadian vandalisme grafiti sebegini akan berkurangan dan akhirnya terhenti sendiri.

Berorientasikan Teori Tingkap Pecah inilah kerajaan berhasrat melaksanakan tindakan bersepadu dalam mewujudkan persekitaran kehidupan masyarakat yang bersih, selesa dan aman. Apabila persekitaran menjadi teratur dan indah, maka kejahatan sosial dan

vandalisme dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Kita sendiri sedia maklum memang wujud sesetengah masyarakat yang sebenarnya tidak berniat membuat kerosakan terhadap kemudahan awam, tetapi sebenarnya secara tidak langsung ada tindak-tanduknya itu yang mencerminkan sikap vandalisme.

Misalnya, kerana terlalu malas hendak turun ke tingkat bawah, ada penghuni rumah apartmen dengan selamba melempar bungkusan sampah dari tingkat atas ke bawah.

Tindakan ini bukan saja menunjukkan tiadanya rasa bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran, bahkan boleh mengundang maut jika sampah menghempap kepala orang lain di bawah. Begitu juga keadaannya dengan kemudahan awam yang tidak digunakan secara berhemah oleh masyarakat. Itu sebabnya kita selalu dapat melihat tiang telefon awam dan perhentian bas selalu

menjadi mangsa vandalisme seakan-akan 'hidup segan, mati tak mahu'. Sikap seperti 'tak apa, nanti ada orang lain akan bersihkan', atau 'ini bukan harta aku' antara penyebab mengapa kejahatan sosial dan vandalisme sebegini masih terus berulang dan tiada noktahnya.

Untuk menjayakan usaha kerajaan memulihkan persekitaran fizikal di kawasan terpilih ini, kerjasama dan keprihatinan semua pihak sangat-sangat membantu. Tanggungjawab pemuliharaan ini perlu dipikul secara holistik oleh semua pihak, bukan sekadar kerajaan atau majlis perbandaran, bahkan masyarakat dan setiap individu. Jika setiap ahli dalam masyarakat memberi sokongan walaupun sebesar zarah, ia akan tetap bermakna. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak untuk menjaga kebersihan dan mewujudkan rasa kebertanggungjawaban apabila menggunakan kemudahan awam. Ajar dan berikan contoh terbaik kepada mereka untuk misalnya tidak membuang sampah sesuka hati dan lebih baik lagi ajar mereka untuk

kitar semula sampah yang dibuang untuk tujuan lain yang lebih baik.

Sikap tegur-menegur dan ambil peduli di kalangan jiran juga perlu supaya tidak ada yang lepas tangan dalam menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran. Jika ada yang ternampak individu tertentu yang membuat vandalisme, tegur mereka secara berhemah atau adukan kepada pihak berwajib. Amalan gotong-royong dan bekerjasama membersihkan dan mengindahkan kemudahan awam mahupun kawasan kejiranan perlu disemai dan dikekalkan. Memang sudah ada beberapa komuniti perumahan yang mengambil inisiatif mengawal gejala sosial seperti mewujudkan rukun tetangga, mengecat semula dinding rumah dan balai raya, mengedarkan risalah berkaitan kebersihan dan menganjurkan program pendidikan, namun ia perlu juga disuburkan dan diamalkan oleh semua komuniti masyarakat di seluruh negara.

Pemikiran kita seharusnya bertambah maju ke hadapan selaras dengan pesatnya kemajuan negara, bukannya bersifat mundur ke belakang

FAKTA
Tanggungjawab pemuliharaan perlu dipikul secara holistik, jika setiap ahli masyarakat memberi sokongan walaupun sebesar zarah, ia tetap bermakna